Misi Bantuan Pasca Banjir MBSP pada kali ini ialah bagi membantu PBT di Negeri Johor yang terjejas kesan dari banjir yang berlaku baru-baru ini. Kekuatan anggota bantuan MBSP terdiri daripada 21 orang kakitangan daripada Jabatan Pengurusan Krisis, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Landskap) dan seorang pegawai bersama aset-aset dan jentera pembersihan.







# FLAG OFF SEBERANG PERAI CITY COUNCIL POST FLOOD RELIEF MISSION TO JOHOR STATE – 10 MARCH 2023

*The Honorable Tuan Phee Boon Pooh, Penang State Environment and Welfare EXCO with YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai has flagged off MBSP's Orange Heroes this morning to the State of Johor to participate in the Post-Flood Relief Mission. Also present in this release are YBrs. Mr. David Marshel a/l Pakianathan & YBrs. Encik Ahmad Tarmizi bin Jusoh, councilor Whip and MBSP councilors, YBrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, MBSP City Secretary, department heads and MBSP Orange Heroes.*

*MBSP's Post-Flood Relief Mission this time is to help the local authority in the State of Johor that was affected by the recent floods. The force of MBSP relief personnel consists of 21 personnel from the Crisis Management Department, Municipal Services Department, Landscape Department and one officer with cleaning assets and machinery.*







# "MAJLIS PENUTUP KONVENSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) TAHUN 2023 - 12 MAC 2023"

Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Majlis Penutup Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2023 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC), Ipoh, Perak. Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah KPKT, YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai, Datuk-Datuk Bandar, Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan PBT seluruh Malaysia.

Konvensyen PBT yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 11-12 Mac 2023 ini telah memberi peluang kepada PBT di seluruh Malaysia untuk berkongsi amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan di PBT masing-masing disamping bertukar pendapat dan idea untuk membangunkan kawasan seliaan demi kesejahteraan penduduk.

Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam majlis ini juga telah dianugerahkan Penarafan 5 Bintang Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2022 (Star Rating) serta telah dinobatkan sebagai tempat KETIGA dalam Pertandingan Inovasi Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) - Piala YB Menteri KPKT 2022-2023 dengan membawa pulang Geran KPKT bernilai RM 300,000.00, Piala Iringan serta wang tunai RM 1,000.00 menerusi Projek Lingkaran Bougainvillea, Bandar Perda, Bukit Mertajam yang telah disampaikan oleh YB Menteri KPKT.

Tahniah diucapkan!





# "CLOSING CEREMONY OF 2023 LOCAL AUTHORITY CONVENTION (PBT) – 12 MARCH 2023"



*The Honorable Tuan Nga Kor Ming, Minister of Local Government Development has officiated the Closing Ceremony of the Local Authority Convention (PBT) 2023 which took place at the Ipoh Convention Center (ICC), Ipoh, Perak. Also attended were YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Secretary General, Ministry of Local Government Development, YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Director General of KPKT, YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai, mayors, council members, secretaries and heads of local government departments throughout Malaysia.*

*The local authority convention which lasted for two days on 11th -12th March 2023 has given the opportunity to local authorities throughout Malaysia to share the best practices implemented in their respective local authorities, in addition to exchanging opinions and ideas to develop supervisory areas for the well-being of residents.*

*The Seberang Perai City Council in this event was also awarded the 5 Star Rating Local Authority for the year 2022 (Star Rating) and was crowned third in the Innovation Competition of the Local Authorities Association (MALA) - YB Minister KPKT Cup 2022-2023 by taking home KPKT grant worth RM 300,000.00, trophy and RM 1,000.00 cash through the Bougainvillea Ring Project, Bandar Perda, Bukit Mertajam which was presented by YB Minister of KPKT.*

*Congratulations!*

# “MAJLIS PENUTUP *INTERNATIONAL* PROGRAM *ECONOMIC EMPOWERMENT* (PUSAT PENDIDIKAN HIJAU USAHASAMA MBSP - UPSI - URBANEST - *UNIVERSITY OF COLUMBIA USA*) - 14 MAC 2023”



YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai telah merasmikan Majlis Penutup *International* Program *Economic Empowerment* (Pusat Pendidikan Hijau Usahasama MBSP - UPSI-URBANEST - *University of Colombia USA*) di Dewan Kenanga, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Turut hadir bersama ialah YBrs. Prof. Madya Dr. Ir. Maizatul Hayati Binti Mohamad Yatim, Dekan Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi UPSI, barisan Whip & Ahli-Ahli Majlis MBSP, YBrs. Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya MBSP, YBrs. Encik Karthigayan a/l Gunasegaran, Pengarah Urusan URBANEST Sdn. Bhd, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai-pegawai kanan MBSP.

Program Bengkel Kebun Bandar yang melibatkan 3 orang tenaga pengajar dari Universiti Tempatan dan Universiti Antarabangsa ini telah diadakan pada 6 hingga 13 Mac 2023 di Pusat Pendidikan Hijau dan disertai oleh 26 orang peserta. Para peserta terdiri daripada pihak UPSI, MBSP, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta Komuniti setempat yang bergiat aktif dalam aktiviti ini.

Pengisian bengkel ini terdiri daripada perkenalan kepada Kebun Bandar *(Urban Farming)*, cara-cara melaksanakan aktiviti kebun bandar sehingga kepada proses kelangsungan aktiviti ini pada masa hadapan *(sustainability)*.

Selain penanaman sayur-sayuran, peserta bengkel kebun bandar ini juga diajar dan digalakkan untuk menyediakan baja organik melalui sistem pengkomposan. Aktiviti pengkomposan ini dapat membantu pengurangan sisa makanan yang dibuang sebagai sisa baki. Sekiranya warga Seberang Perai mengamalkan kitar semula dan pengkomposan, ini merupakan langkah pertama ke arah sisa sifar di Seberang Perai. Pengkomposan juga akan mengurangkan sampah yang dibawa dan dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung kelak.







*YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai has officiated the Closing Ceremony of the International Economic Empowerment Programme (Green Education Center Joint Venture Between - UPSI- URBANEST - University of Colombia USA) at Kenanga Hall, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Also attended the ceremony were YBrs. Prof. Associate Dr. Ir. Maizatul Hayati binti Mohamad Yatim, Dean of the Faculty of Computing and Meta Technology UPSI, the troop of Whip and members of the MBSP council, YBrs. Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid, MBSP City Secretary, YBrs. Mr. Karthigayan a/l Gunasegaran, Managing Director of URBANEST Sdn. Bhd, heads of department and senior officers of MBSP.*

*The Urban Gardening Workshop programme involving 3 teaching staff from local and international universities was held on 6th to 13th March 2023 at the Green Education Center and was attended by 26 participants. The participants consist of UPSI, MBSP, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) and the local community who are active in this activity.*

*The content of this workshop consists of an introduction to Urban Farming, ways to implement urban gardening activities up to the process of continuing these activities in the future (sustainability).*

*In addition to growing vegetables, the participants of this urban garden workshop were also taught and encouraged to prepare organic fertilizers through the composting system. This composting activity can help reduce food waste that is thrown away as residual waste. If the people of Seberang Perai practise recycling and composting, this is the first step towards zero waste in Seberang Perai. Composting will also reduce the waste that is brought and disposed of at the Pulau Burung Landfill in the future.*



# "CLOSING CEREMONY OF THE INTERNATIONAL ECONOMIC EMPOWERMENT PROGRAMME (GREEN EDUCATION CENTER JOINT VENTURE BETWEEN MBSP - UPSI - URBANEST - UNIVERSITY OF COLUMBIA USA) – 14 MARCH 2023"






# MAJLIS PENUTUP SEMINAR INDUSTRI PEMBINAAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2023 - 15 MAC 2023

YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai telah merasmikan Majlis Penutup Seminar Industri Pembinaan Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun 2023 di Ixora Hotel, Perai. Majlis ini turut disertai oleh YBrs. Encik Mohammad Farris Bin Abdul Aziz, Pengarah CIDB Negeri Pulau Pinang, Encik Mohd Herzi bin Che Hussin, Jurutera Awam Kanan, JKR Pulau Pinang, Encik Mohd Raisul Muhaiddisin bin Hamad, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan MBSP, Encik Muhammad Azqil bin Mohd Azman, Pengurus CIDB Pulau Pinang.

Seminar Industri Pembinaan Peringkat Negeri Pulau Pinang ini ialah anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan kerjasama daripada MBSP. Seminar ini merupakan salah satu usaha dan inisiatif CIDB dalam membantu memberi pendedahan serta meningkatkan kefahaman pengiat industri pembinaan berkenaan perundangan dan fungsi CIDB serta prosedur dan perundangan berkaitan MBSP.

Selari dengan perkembangan semasa mengenai Revolusi Industri 4.0, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui agensi CIDB serta pihak berkepentingan dalam Industri pembinaan telah membangunkan satu Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (2021-2025) bagi membantu industri pembinaan mendepani perubahan ini dengan merangka program berkaitan.

Pemain Industri pembinaan juga turut diingatkan agar sentiasa mempunyai nilai Integriti yang tinggi dalam berurusan dalam bidang ini, melaksanakan tugas yang diberikan dengan cekap, mematuhi tempoh masa projek pembinaan yang telah dirancang serta mematuhi prosedur dan undang-undang yang telah ditetapkan.

# “CLOSING CEREMONY OF PENANG STATE LEVEL CONSTRUCTION INDUSTRY SEMINAR 2023 – 15 MARCH 2023”



*YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai offciated the Closing Ceremony of the Penang State Level Construction Industry Seminar 2023 at Ixora Hotel, Perai. The ceremony was also attended by YBrs. Encik Mohammad Farris bin Abdul Aziz, director of CIDB Penang, Encik Mohd Herzi bin Che Hussin, Senior Civil Engineer, JKR Penang, Encik Mohd Raisul Muhaiddisin bin Hamad, Senior Assistant Director, MBSP Building Department, Encik Muhammad Azqil bin Mohd Azman, manager of CIDB Penang.*

*The Penang State Level Construction Industry Seminar was organized by the Construction Industry Development Board (CIDB) in collaboration with MBSP. This seminar is one of CIDB's efforts and initiatives in helping to provide exposure and enhance the understanding of the construction industry on CIDB's legislation and functions as well as procedures and legislation related to MBSP.*

*In line with the current developments on the Industrial Revolution 4.0, the Ministry of Works (MoW) through CIDB agencies and stakeholders in the construction industry has developed a Construction Strategic Plan 4.0 (2021-2025) to help the construction industry cope with this change by formulating related programme.*

*Construction industry players are also reminded to always have high integrity in dealing in this field, perform their duties effciently, comply with the time frame of the planned construction projects and comply with the established procedures and laws.*














# "MAJLIS JASAMU DIKENANG TAHUN 2023 DAN MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022 - 16 MAC 2023"

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah mengadakan Majlis Jasamu Dikenang tahun 2023 dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 kepada kakitangan MBSP di Ixora Hotel, Perai. Majlis tahunan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta turut disaksikan oleh barisan Whip & Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai-pegawai kanan MBSP.

Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2023 bertujuan bagi menghargai jasa dan bakti kakitangan MBSP yang bakal bersara pada tahun ini. Seramai 49 orang kakitangan MBSP akan bersara pada tahun ini termasuk 14 orang kakitangan MBSP yang telah meninggal dunia sebelum tempoh persaraan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang hadir dan terima kasih atas pengorbanan yang disumbangkan sepanjang perkhidmatan untuk penduduk Seberang Perai.

Selain itu, MBSP turut meraikan dan mengiktiraf kakitangan yang cemerlang sepanjang perkhidmatan pada tahun 2022 menerusi Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang merupakan acara tahunan. Seramai 315 orang kakitangan daripada keseluruhan 4,017 orang kakitangan MBSP telah diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2022 atas usaha, tanggungjawab, dedikasi serta komitmen yang tinggi dalam perkhidmatan.

Tahniah diucapkan kepada kakitangan MBSP yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam perkhidmatan serta terima kasih kepada kakitangan MBSP atas sumbangan sepanjang tempoh perkhidmatan bagi yang akan bersara pada tahun ini.

*Seberang Perai City Council held the 2023 Jasamu Dikenang Ceremony and the 2022 Excellent Service Award Ceremony to MBSP staff at Ixora Hotel, Perai. The annual ceremony was officiated by YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai and witnessed by Whips & MBSP councilors, the City Secretary, department heads and senior officers of MBSP.*

*2023 Jasamu Dikenang Ceremony aims to appreciate the service and dedication of MBSP staff who are retiring this year. A total of 49 MBSP staff will retire this year including 14 MBSP staff who have passed away before retirement. Condolences go out to the families who attended and thank you for the sacrifices made during the service for the residents of Seberang Perai.*

*In addition, MBSP also celebrates and recognizes outstanding staf throughout their service in 2022 through the Excellent Service Award Ceremony which is an annual event. A total of 315 staff out of a total of 4,017 MBSP staff were awarded the Excellent Service Award for 2022 for their high effort, responsibility, dedication and commitment in service.*

*Congratulations to MBSP staff who have shown great commitment in their service and for MBSP staffs who are retiring during this year, thank you for the contributions made during service period*






# "2023 JASAMU DIKENANG CEREMONY AND 2022 EXCELLENT SERVICE AWARD CEREMONY – 16 MARCH 2023"









# "PROGRAM PLOGGING ANJURAN BERSAMA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI DAN MICRON BATU KAWAN - 18 MAC 2023"



Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama daripada Micron Batu Kawan telah mengadakan Program Plogging di Jeti Batu Musang, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan. Turut hadir bersama dalam program ini ialah YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai, YBrs. Puan Heng Yeh Shiuan, Ahli Majlis MBSP, Puan Norhayati Binti Sulaiman, Pengarah Perhubungan Komuniti MBSP, Encik Moorthy a/l Murugaiah, Senior Director Global People Service, Micron Batu Kawan, Rotary International Club, MEPSB serta warga kerja MBSP dan Micron Batu Kawan.

Program pada pagi ini adalah Program Plogging yang merupakan gabungan aktiviti "jogging" dan juga aktiviti "mengutip sampah" yang merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan kerjasama dan penglibatan semua pihak dan masyarakat setempat dalam agenda melestarikan aspek kebersihan. Seramai 200 orang peserta telah hadir pada program pagi ini dari pihak MBSP dan Micron Batu Kawan.

Hasilnya, sebanyak 500 kilogram / 0.5 Tan sampah (plastik, kotak, botol kaca & besi, sisa sampah) telah dikutip di sekitar pesisir pantai di Jeti Batu Musang, Batu Kawan ini hanya dalam tempoh selama 2 jam sahaja. Sampah-sampah ini datang dari tangan manusia yang membuang sampah merata-rata sehingga memasuki kawasan laut dan terdampar di pesisir pantai.

Penduduk Seberang Perai dinasihatkan untuk terus menjaga kebersihan persekitaran, tidak membuang sampah merata-rata serta bersama dengan MBSP untuk membantu dalam usaha untuk melindungi kawasan kita dari tercemar dengan sampah sarap untuk kebaikan semua pihak.





*Seberang Perai City Council in collaboration with Micron Batu Kawan has organized a Plogging Programme at Batu Musang Jetty, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan. Also present at the programme was YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai, YBrs. Puan Heng Yeh Shiuan, MBSP council member, Puan Norhayati binti Sulaiman, MBSP Community Relations Director, Mr Moorthy a/l Murugaiah, Senior Director of Global People Service, Micron Batu Kawan, Rotary International Club, MEPSB as well as MBSP and Micron Batu Kawan staff.*

*The programme this morning is the Plogging Programme, which is a combination of "jogging" and "garbage collection" activities which are part of the Penang State Government's ongoing efforts in establishing cooperation and involvement of all parties and the local community in the agenda of preserving hygiene aspects. A total of 200 participants attended this morning's programme from MBSP and Micron Batu Kawan.*

*As a result, as much as 500 kilograms / 0.5 tons of waste (plastic, boxes, glass & iron bottles, waste) was collected along the coastline at Batu Musang, Batu Kawan Jetty in just 2 hours. Those garbage came from the hands of human littering, until it enters the sea and washed up on the coast.*

*The residents of Seberang Perai are advised to continue to maintain the cleanliness of the environment, do not litter and work together with MBSP to assist in the efforts to protect our environment from being contaminated with rubbish for the benefit of all.*

# "PLOGGING PROGRAMME JOINTLY ORGANIZED BY SEBERANG PERAI CITY COUNCIL AND MICRON BATU KAWAN – 18 MARCH 2023"

# “MAJLIS PERASMIAN TNB *RETAIL* *PENANG 'GARDEN OF HOPE'* - 22 MAC 2023”





YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai telah merasmikan Taman TNB Retail Penang 'Garden Of Hope' di Wisma TNB, Bandar Perda, Bukit Mertajam. Majlis ini turut disaksikan oleh YBrs. Ir Technologies Norhizami bin Abu Hasan, Head of State Retail Pulau Pinang, YBrs. Tuan Haji Ismail Lathifi bin Teh, Pengurus Besar *(State Stakeholders Affairs)* Pulau Pinang, Tuan Hj Ir Muhamad Shah Rizal bin Suleiman, Head Grid Maintenance - North, Tuan Mohd Badrul Khusairi bin Yon, Ketua Gerakan Negeri (Operasi Keselamatan), Puan Rosmawati binti Yahaya, Pengurus, BSO Northern Zone serta pegawai-pegawai kanan TNB.

Menyahut saranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP berkenaan initiatif hijau, TNB telah mewujudkan Taman TNB Retail yang dirasmikan pada hari ini yang berada di satu sudut di perkarangan Wisma TNB Perda sebagai simbolik inisiatif pembudayaan ESG dalam kalangan warga kerja TNB.

ESG ialah akronim untuk *Environmental, Social and Corporate Governance* atau Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus yang merupakan satu rangka kerja yang diterima pakai untuk mencerminkan aspirasi organisasi korporat yang mengambil kira elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam setiap operasi organisasi, syarikat atau badan swasta. Sebagai mendokong aspirasi TNB ke arah *Net Zero Carbon Emission* menjelang 2050, TNB membudayakan ESG dalam kerja-kerja harian.

Pelancaran pada hari ini adalah salah satu simbolik inisiatif ESG TNB Retail Penang dengan sokongan MBSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. TNB akan meneruskan komitmen dan sokongan terhadap Visi Penang 2030, untuk menjadi negeri hijau.





*YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai officiated the TNB Retail Penang 'Garden Of Hope' at Wisma TNB, Bandar Perda, Bukit Mertajam. The ceremony was also witnessed by YBrs. Ir Technologies Norhizami bin Abu Hasan, head of Penang State Retail, YBrs. Tuan Haji Ismail Lathifi bin Teh, Penang general manager (State Stakeholders Affairs), Tuan Hj Ir Muhamad Shah Rizal bin Suleiman, Head Grid Maintenance - North, Tuan Mohd Badrul Khusairi bin Yon, Head of State Movement (Security Operations), Puan Rosmawati binti Yahaya, manager, BSO Northern Zone and senior officers of TNB.*

*In response to the recommendations of the Penang State Government and MBSP on the green initiative, TNB has established the TNB Retail Park which was officiated today in a corner of the Wisma TNB Perda compound as a symbol of the ESG culture initiative among TNB's employees.*

*ESG is an acronym for Environmental, Social and Corporate Governance which is a framework adopted to reflect the aspirations of corporate organizations that take into account environmental, social and governance elements in each operation of an organization, company or private body. In support of TNB's aspiration towards Net Zero Carbon Emission by 2050, TNB is cultivating ESG in daily work.*

*Today's launching is one of the symbols of TNB Retail Penang's ESG initiative with the support of MBSP and the Penang State Government. TNB will continue its commitment and support the Penang Vision 2030, to become a green state.*









**"OPENING CEREMONY OF TNB RETAIL PENANG 'GARDEN OF HOPE' – 22 MAR 2023"**









# "PROGRAM KEMPEN *GREEN* RAMADAN DI BAZAR RAMADAN SEBERANG JAYA - 23 MAC 2023"

YB Tuan Phee Boon Poh, EXCO Alam Sekitar Dan Kebajikan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan Kempen Green Ramadan di Bazar Ramadan Seberang Jaya. Turut hadir bersama dalam program ini ialah YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai, Encik Tan Chee Teong & Encik Tan Choo Eng, Ahli Majlis MBSP, Encik Khou Jerome, Pengerusi *Green Educators Workgroup*, MPKK kawasan serta peserta yang terdiri dari para pelajar sekolah.

Program VLog Sisa Sifar @Bazaar Ramadan yang diadakan dengan kerjasama daripada Penang Green Council (PGC) & *Green Educatos Workgroup (GREW)* bertujuan untuk berkempen dan mendidik masyarakat bagi mengurangkan penghasilan sampah yang dihantar ke tapak pelupusan sampah, pengurusan sisa sampah di bazar ramadan dengan baik, tidak menggunakan 'single use plastik' dengan membawa bekas makanan sendiri, menggalakan aktiviti kompos serta tidak membazir semasa membeli juadah berbuka puasa sehingga menyebabkan peningkatan penghasilan sisa.











*YB Tuan Phee Boon Poh, Penang State Environment and Welfare EXCO launched the Green Ramadan Campaign at the Seberang Jaya Ramadan Bazaar. Also present at the programme was YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai, Encik Tan Chee Teong & Encik Tan Choo Eng, MBSP council member, Encik Khou Jerome, Chairman of Green Educators Workgroup, MPKK area as well as participants comprising of school students.*

*The VLog Zero Waste @Bazaar Ramadan programme held in collaboration with Penang Green Council (PGC) & Green Educatos Workgroup (GREW), aiming to campaign and educate the community to reduce the production of waste delivering to landfills, to manage waste at the bazaar well, not using 'single use plastic' by bringing own food containers, encouraging composting activities and not wasting while buying food to break fast to a level where it increases waste production.*









# "GREEN RAMADAN CAMPAIGN PROGRAMME AT SEBERANG JAYA RAMADAN BAZAAR - 23 MAR 2023"

# “MAJLIS PERASMIAN PENGGUNAAN JENTERA *SKYLIFT* TERKINI BAGI PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN PENGURUSAN BENCANA SEBERANG PERAI - 3 APRIL 2023 ”



# "OPENING CEREMONY OF THE USE OF LATEST SKYLIFT MACHINERY FOR LANDSCAPE MAINTENANCE AND DISASTER MANAGEMENT OF SEBERANG PERAI – 3 APRIL 2023"

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa telah merasmikan Penggunaan Jentera Skylift Terkini Bagi Penyelenggaraan Landskap dan Pengurusan Bencana Seberang Perai di Menara Bandaraya, MBSP. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai, barisan Whip dan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya serta Ketua-ketua Jabatan MBSP.

MBSP sebelum ini telah mempunyai lapan unit jentera skylift bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok serta bencana di seluruh Seberang Perai yang meliputi kawasan seluas 751 KM persegi. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk menyelesaikan penyelenggaraan dengan cepat serta menyelesaikan aduan-aduan penduduk.

Justeru, Tahun ini MBSP telah membeli enam (6) unit jentera skylift baharu yang merupakan antara keluaran terawal bagi unit pemasangan tempatan untuk skylift berjenama Tadano yang dipasangkan di lori Hino. Skylift ini mampu mencapai ketinggian sehingga 22 meter. Lima (5) daripada jentera ini akan diserahkan kepada Jabatan Landskap untuk tujuan penyelenggaraan pokok, manakala satu (1) lagi akan diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Krisis untuk tujuan menyelesaikan bencana dan aduan.

Pembelian jentera skylift baharu ini diharapkan dapat membantu MBSP mengharungi cabaran dan keperluan penggunaan jentera skylift yang semakin meningkat terutamanya dalam melancarkan kerja-kerja penyelenggaraan pokok, pemangkasan ranting-ranting pokok, operasi penguatkuasaan dan kerja-kerja pembersihan ketika dan selepas bencana (ancaman ribut petir dan banjir).

*Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, EXCO of Housing, Local Government and Town & Country Planning has officiated the Use of the Latest Skylift Machinery for Landscape Maintenance and Disaster Management of Seberang Perai at city tower, MBSP. Also present were YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai, Whip and MBSP council members, City Secretary and MBSP department heads.*

*MBSP previously had eight units of skylift machinery to carry out tree maintenance and disaster works throughout Seberang Perai covering an area of 751 sq km. This has caused difficulties in resolving maintenance work quickly as well as resolving complaints coming from the residents.*

*Thus, this year MBSP has purchased six (6) units of new skylift machinery which is one of the earliest releases of the local assembly unit for the Tadano-branded skylift, assembled on the Hino lorry. This skylift is capable of reaching a height of up to 22 meters. Five (5) of these machinery will be handed over to the Landscape Department for tree maintenance purposes, while one (1) will be handed over to the Crisis Management Department for the purpose of resolving disasters and complaints.*

*The purchase of the new skylift machinery is expected to help MBSP overcome the challenges and growing needs of skylift machinery especially in tree maintenance works, pruning branches, enforcement operations and clean-up works during and after disasters (threats from thunderstorms and floods).*







# "PROGRAM PENCAHAYAAN LAMPU HIASAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI - 10 APRIL 2023"





YB Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan telah merasmikan Program Pencahayaan Lampu Hiasan Sempena Hari Raya Aidilfitri di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Tuan Phee Boon Poh & YB Tuan Soon Lip Chee, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Satees a/l Muniandy & YB Heng Lee Lee, ADUN Negeri Pulau Pinang, YBrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya MBSP mewakili Datuk Bandar Seberang Perai, barisan Whip & Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua-ketua Jabatan MBSP, YBhg. Dato' Aziz bin Abdul Razak, Pengarah Urusan Subaidah Holding Berhad serta pegawai-pegawai kanan MBSP.

Sempena Bulan Ramadhan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, MBSP telah memasang dua jenis lampu hiasan perayaan Aidilfitri di seluruh Seberang Perai iaitu jenis *"Pole Deco"* yang dipasang di tiang dan lampu jalan iaitu sebanyak 149 unit di SPU, 136 unit di SPT Dan 136 unit di SPS. Jenis kedua pula ialah jenis motif *"Ground Deco"* yang dipasang sebanyak 1 lokasi bagi setiap Daerah.

Pada malam ini juga, pemasangan dekorasi Hari Raya Aidilfitri turut dipasang dan dirasmikan di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth yang dipasang oleh syarikat swasta secara CSR untuk menambah lagi kemeriahan suasana hari raya di kawasan Bagan.







*YB Tuan Lim Guan Eng, member of Parliament for Bagan officiated the Decorative Light Lighting Programme in conjunction with Hari Raya Aidilfitri at Merdeka Youth Square, Butterworth. The ceremony was also attended by YB Tuan Phee Boon Poh & YB Tuan Soon Lip Chee, Penang State Government EXCO, YB Satees a/l Muniandy & YB Heng Lee Lee, Penang State assemblyman, YBrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, MBSP city secretary, representing the mayor of Seberang Perai, Whip & MBSP council members, MBSP department heads, YBhg. Dato' Aziz bin Abdul Razak, Managing Director of Subaidah Holding Berhad and senior officers of MBSP.*

*In conjunction with the month of Ramadan and Hari Raya Aidilfitri this year, MBSP has installed two types of Aidilfitri decorative lights throughout Seberang Perai, namely the "Pole Deco" type installed on poles and street lights, 149 units in SPU, 136 units in SPT and 136 units in SPS. The second type is the "Ground Deco" motivated type which is installed at 1 location for each district.*

*In this evening, the installation of Hari Raya Aidilfitri decorations was also installed and officiated at Merdeka Youth Square, Butterworth which was installed by private company under CSR to add to the vibrancy of the hari raya atmosphere at Bagan area.*




# "DECORATIVE LIGHT LIGHTING PROGRAMME IN CONJUNCTION WITH HARI RAYA AIDILFITRI – 10 APRIL 2023"





# "MAJLIS AMANAT PERDANA MENTERI BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI PULAU PINANG - 14 APRIL 2023"

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan Majlis Amanat Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam Negeri Pulau Pinang di Dewan Besar, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Permatang Pauh pada petang ini. Turut hadir bersama ialah YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, YBhg. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail Menteri Dalam Negeri Malaysia, YBhg. Tan Sri Mohd. Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Datuk Dr. Zulkapli bin Mohamed, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YB. Dato' Law Choo Kiang, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, YB. Dato' Mohd. Sayuti bin Bakar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, barisan Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, barisan Ketua-ketua Jabatan Agensi Kerajaan Negeri & Kerajaan Pusat Negeri Pulau Pinang serta Penjawat Awam Negeri Pulau Pinang.

YAB Perdana Menteri turut menyeru seluruh penjawat awam agar terus bekerja dengan lebih cekap bagi meningkatkan lagi prestasi demi kemajuan negeri dan negara. YAB Perdana Menteri turut menegaskan agar semua penjawat awam perlu sentiasa menyemai budaya dan nilai integriti yang tinggi dalam diri masing-masing agar tiada dalam kalangan penjawat awam yang terjebak dengan amalan rasuah.

*YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Prime Minister of Malaysia, officiated the Prime Minister's Mandate with the Penang State Civil Servants at the Dewan Besar, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Penang Branch, Permatang Pauh this afternoon. Also present were YAB Tuan Chow Kon Yeow, Chief Minister of Penang, YBhg. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Minister of Home Affairs, YBhg. Tan Sri Mohd. Zuki bin Ali, Chief Secretary to the government, YBhg. Datuk Dr. Zulkapli bin Mohamed, Director General of Public Service, YB. Dato' Law Choo Kiang, President of the Penang State Legislative Assembly, YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy, Deputy Chief Minister II of Penang, YB. Dato' Mohd. Sayuti bin Bakar, Penang State Secretary, Penang State Government EXCO troop, Penang State assemblyman, heads of State Government Agencies & Penang State Central Government and Penang State civil servants.*

*The Prime Minister also urged all civil servants to continue to work more efficiently to improve performance for the betterment of the state and the country. The Prime Minister also stressed that all civil servants should always inculcate a culture and high values of integrity in themselves so that none of the civil servants are caught up in corrupt practices.*

## *"PRIME MINISTER'S MANDATE WITH PENANG STATE CIVIL SERVANTS – 14 APRIL 2023"*





# “PELANCARAN PELAN STRATEGI MBSP 2023-2030 & SEBERANG PERAI *CORPORATE PRIORITIES* 2023 DAN PELANCARAN PELAN STRATEGIK DASAR KETERANGKUMAN GENDER (DKG) MBSP 2023-2025 & PELAN TINDAKAN DKG MBSP 2023 - 18 APRIL 2023”

YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai telah melancarkan Pelan Strategi MBSP 2023-2030 & Seberang Perai Corporate Priorities 2023 Dan Pelan Strategik Dasar Keterangkuman Gender (DKG) MBSP 2023-2025 & Pelan Tindakan DKG MBSP 2023 yang telah berlangsung di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Turut hadir bersama dalam majlis ini ialah YBrs. Encik David Marshel a/l Pakianathan, YBrs. Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid, YBrs. Encik Ahmad Tarmizi bin Jusoh, WHIP Ahli Majlis MBSP, barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, YBrs. Tuan Hj. Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya serta Ketua-ketua Jabatan MBSP.




Pelan Strategi MBSP 2023-2030 serta Seberang Perai Corporate Priorities 2023 (SPCP 2023) merupakan satu dokumen yang menggariskan hala tuju MBSP sepanjang tahun sehingga tahun 2030. SPCP 2023 merupakan satu dokumen hala tuju tahunan yang diadaptasi daripada Pelan Strategi 2023-2030. Selaras dengan pembentukan Pelan Strategi MBSP 2023-2030 dan SPCP 2023 di mana ianya merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MBSP kepada semua stakeholders dalam menjayakan Visi dan Misi MBSP.



Pelan Strategik Dasar Keterangkuman Gender (DKG) MBSP 2023-2025 pula merupakan perancangan tiga (3) tahun dan sangat penting untuk menjadi rujukan serta panduan dalam menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat DKG di MBSP untuk tempoh masa yang ditetapkan. Pelan Strategik DKG MBSP 2023-2025 ini diterjemahkan kepada Pelan Tindakan DKG setiap tahun bermula tahun 2023 yang melibatkan semua jabatan untuk pelaksanaan. Dasar DKG ini diwujudkan bagi memastikan keseimbangan gender dan mempromosikan kesaksamaan gender di semua jabatan selaras dengan Visi Penang 2030.






# "LAUNCHING OF MBSP STRATEGY PLAN 2023-2030 & SEBERANG PERAI CORPORATE PRIORITIES 2023 AND LAUNCHING OF MBSP GENDER INCLUSIVITY POLICY (DKG) STRATEGIC PLAN 2023-2025 & MBSP DKG ACTION PLAN 2023 – 18 APRIL 2023"




*YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai launched the MBSP Strategy Plan 2023-2030 & Seberang Perai Corporate Priorities 2023 and MBSP's Gender Inclusivity Policy (DKG) Strategic Plan 2023-2025 & MBSP DKG Action Plan 2023 which was held at the Kenanga Hall, city tower, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Also present at the ceremony were YBrs. Mr. David Marshel a/l Pakianathan, YBrs. Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid, YBrs. Encik Ahmad Tarmizi bin Jusoh, WHIP of MBSP Councilors, MBSP council members, YBrs. Tuan Hj. Baderul Amin bin Abdul Hamid, City Secretary and MBSP department heads.*

*MBSP Strategy Plan 2023-2030 and Seberang Perai Corporate Priorities 2023 (SPCP 2023) is a document outlining the direction of MBSP throughout the year to 2030. SPCP 2023 is an annual roadmap document adapted from the Strategy Plan 2023-2030. In line with the formation of the MBSP Strategy Plan 2023-2030 and SPCP 2023 which is one (1) plan or commitment of MBSP to all stakeholders in the success of MBSP's vision and mission.*

*The MBSP Gender Inclusivity Policy (DKG) Strategic Plan 2023-2025 is a three (3) year plan and it is very important to be a reference and guide in determining the direction towards achieving the DKG goals at MBSP for a set period of time. The MBSP DKG Strategic Plan 2023-2025 translates to the DKG Action Plan every year starting in 2023 which involves all departments for implementation. This DKG policy was created to ensure gender balance and promote gender equality in all departments in line with the Penang Vision 2030.*

# LAWATAN DAN KUNJUNGAN HORMAT : *VISITS AND HONORARY VISITS*

**KUNJUNGAN HORMAT DARI DEWAN BAHASA & PUSTAKA**

*COURTESY VISIT FROM DEWAN BAHASA & PUSTAKA*











**KUNJUNGAN HORMAT DARI AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD**

*COURTESY VISIT FROM AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD*






## KUNJUNGAN HORMAT DARI MAJLIS DAERAH LIPIS

*COURTESY VISIT FROM LIPIS DISTRICT COUNCIL*









## KUNJUNGAN HORMAT DARI PEJABAT KESIHATAN DAERAH SPU

*COURTESY VISIT FROM NORTHEN SEBERANG PERAI DISTRICT HEALTH OFFICE*

## KUNJUNGAN HORMAT DARI PENANG PORT

*COURTESY VISIT FROM PENANG PORT*






## KUNJUNGAN HORMAT DARI PERDA

*COURTESY VISIT FROM PERDA*









## KUNJUNGAN HORMAT DARI SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

*COURTESY VISIT FROM THE PENANG PORT COMMISSION*

## KUNJUNGAN HORMAT DARI TM ONE

*COURTESY VISIT FROM TM ONE*







## KUNJUNGAN HORMAT DARI TENAGA NASIONAL BERHAD PULAU PINANG

### *COURTESY VISIT FROM PENANG TENAGA NASIONAL BERHAD*







## KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR KEPADA YB DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

### *COURTESY VISIT OF THE MAYOR TO YB DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR, SECRETARY TO THE STATE GOVERNMENT OF PENANG ISLAND*



## KUNJUNGAN HORMAT DARI PENGARAH KASTAM NEGERI PULAU PINANG

### *COURTESY VISIT FROM PENANG STATE CUSTOMS DIRECTOR*














## LAWATAN DELEGASI FUKUOKA CITY, JAPAN KE SEBERANG PERAI

### *COURTESY VISIT OF FUKUOKA CITY, JAPAN TO SEBERANG PERAI*




## LAWATAN DARI MAJLIS DAERAH TANJUNG MALIM

*VISIT FROM TANJUNG MALIM DISTRICT COUNCIL*




## LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHARU

*VISIT FROM JOHOR BAHRU CITY COUNCIL*



# PERJUMPAAN DATUK BANDAR BERSAMA CIDB PULAU PINANG

## *MAYOR'S MEETING WITH PENANG STATE CIDB*












# BULETIN MBSP

# BIL 1/2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Seberang Perai City Channel

seberangperaicitycouncil

mbsp_pg

https://t.me/mbsppg

Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang

04-549 7555

04-538 9700

www.mbsp.gov.my